

BERITA HARIAN

## Dr M syor tubuh Majlis Penasihat

**K**UALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengesyorkan penubuhan Majlis Penasihat Presiden yang diberi kuasa bermusyawarah dan meluluskan keputusan yang diambil Presiden Umno bagi mengelak pencabulan kuasa.

Beliau yang juga bekas Presiden Umno, turut mencadangkan Perlembagaan parti dipinda supaya Presiden terikat kepada saranan majlis berkenaan.

"Kita tidak boleh percayakan seorang saja dengan memberi kuasa begitu besar, malah Majlis Tertinggi (MT) Umno sejak kebelakangan ini sudah tidak berguna lagi kerana jika seorang anggotanya menegur Presiden, yang lain akan dakwa dia tidak hormat Presiden.

"Majlis Penasihat Presiden ini harus dianggotai profesional dan ahli Umno berwibawa tetapi bukannya dilantik Umno bahagian supaya mereka boleh berfungsi secara bebas. Tapi semua mesti ahli Umno.

"Menghadkan tempoh Presiden, umpamanya kepada dua penggal, juga cadangan yang baik tetapi janganlah pula penggantinya dipilih Presiden yang melepaskan jawatan," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran buku *Management Astray: Resuscitating Ailing Organisation*, di sini, semalam.

Buku mengenai strategi penguurusan dalam memberi nafas baru kepada pertubuhan bermasalah itu adalah karya kedua bekas Penasihat Kumpulan Fima Bhd, Allahyarham Tan Sri Basir Ismail, yang sempat beliau siapkan sebelum meninggal dunia pada 19 Januari tahun lain.

Mengulas keputusan Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah yang secara terbuka menyuarakan hasratnya untuk bertanding jawatan Presiden Umno pada pemilihan akan datang jika mendapat pencalonan mencukupi, Dr Mahathir berkata sekarang bukan masa sesuai untuknya.

Bagaimanapun, beliau menyokong penuh tindakan Tengku Razaleigh sebelum ini, iaitu menulis surat kepada semua Umno bahagian bagi mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) untuk membincangkan masalah orang Melayu.